

KURSUS-KURSUS JANGKA PENDEK

PROTOKOL PENGENDALIAN MAJLIS RASMI



PENGENALAN

Protokol bukanlah suatu perkara yang kecil dan remeh-temeh. Protokol penting bagi pengendalian sesuatu majlis terutama majlis rasmi dan formal untuk menjamin kelicinan perjalanan majlis. Kesilapan protokol akan mencacatkan majlis dan lazimnya kesilapan tidak dapat diperbaiki. Kesannya, imej organisasi akan terjejas.

Kursus ini membincangkan tatacara pengendalian majlis dan meraikan tetamu dari dalam mahu pun tetamu dari luar. Selain itu, peserta juga didedahkan dengan tanggungjawab dan peranan sebagai pengendali majlis rasmi dan sebagai pegawai protokol. Oleh itu prinsip dan amalan protokol dan etiket perlu difahami terutamanya apabila diamanahkan untuk menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan protokol. Dalam masyarakat, ketertiban dan kesopanan perlu dijaga, begitu juga dalam sesuatu majlis kerana sebarang kelewatan, kecacatan dan kesilapan akan memberi gambaran yang negatif terhadap organisasi dan individu yang terlibat.

O B J E K T I F

- Melahirkan rasa tanggungjawab peserta sekiranya diamanahkan untuk menjalankan tugas-tugas berkaitan protokol.
- Mempelajari tatacara protokol dalam kehidupan seharian serta berkemampuan untuk melaksanakan pelbagai majlis dengan baik dan sempurna.
- Menguruskan majlis-majlis formal yang memerlukan pengurusan protokol dengan sempurna.
- Memahami peranan dan tanggungjawab bagi menyambut dan meraikan tetamu

M E T O D O L O G I

Kombinasi ceramah, berserta tayangan slide, role play, demonstrasi dan simulasi bertujuan untuk memantapkan pemahaman peserta kursus terhadap topik-topik yang dipelajari.

T O P I K

Pengenalan Kepada Protokol Dalam Pengendalian Majlis

- Takrif protokol
- Amalan protokol dulu dan masa kini
- Kepentingan memahami protokol
- Mengenal pelbagai jenis majlis

Protokol Untuk Orang Kenamaan

- Susunan keutamaan orang kenamaan
- Panggilan hormat orang kenamaan
- Pengenalan kepada darjah kebesaran negeri dan persekutuan

Protokol Dalam Persediaan Tempat

- Prinsip menyusun tempat duduk pelbagai majlis
- Susunan tempat duduk majlis jamuan
- Kedudukan dan susunan pentas khas, rostrum dan
- perhiasan
- Panduan menyusun bendera

Protokol Dalam Jemputan dan Aturcara

- Menyedia dan mengedar jemputan
- Panduan menyusun aturcara dan ucapan
- Tertib ketibaan dan kepulangan tetamu

Protokol Dalam Sambutan Tetamu dan

- Pengacaraan Majlis
- Persiapan diri penyambut tetamu
- Cara menyambut tetamu kehormat
- Persediaan pengacara majlis
- Protokol dalam pengacaraan majlis rasmi

your success is our driving force